ORIGINAL ARTICLE

# REKA BENTUK PEDAGOGI RESPONSIF BUDAYA DALAM PENDIDIKAN MORAL: PENILAIAN INOVASI KALENDAR KEBUDAYAAN

# DESIGNING A CULTURALLY RESPONSIVE PEDAGOGY IN MORAL EDUCATION: AN EVALUATION OF A CULTURAL CALENDAR INNOVATION

**Saranja Santat[1]; Tan Bee Piang*[2]**

[1] Department of Moral, Civics and Character Education, Faculty of Human Sciences, Sultan Idris Education University, Malaysia. Email: saranjanan28@gmail.com

[2] Department of Moral, Civics and Character Education, Faculty of Human Sciences, Sultan Idris Education University, Malaysia. Email: tanbeepiang@fsk.upsi.edu.my

*Corresponding author

DOI: https://doi.org/10.33306/mjssh/247

**Abstract**

This study aims to explain the importance of using a cultural calendar in the teaching and learning process of the subject of Moral Education. Through this importance, the study will shape a cultural calendar by applying local cultures from various ethnic groups in Malaysia. The study also assesses the usability of the cultural calendar in teaching the subject of Moral Education. A qualitative approach with the Design and Development Research (DDR) design was used in this study. The selection of study subjects was conducted through sampling, with the aim of involving 6 trainee teachers majoring in Moral Education who had undergone Teaching Practice. Interview protocol was used as research instrument to collect data. The data was analyzed by adapting three phases in the Design and Development Research (DDR) Model, with the first phase being Needs Analysis, the second phase being Design and Development, and the third phase being Evaluation. The results of the study showed that the respondents had a high awareness of the importance of applying local cultures in teaching and learning process. In terms of the design of the calendar, the findings showed that the majority of respondents wanted the calendar to focus on exposing the cultures of minority ethnic groups without neglecting the cultures of the other main ethnic groups in the country. The findings also showed that the cultural calendar produced was attractive, relevant. The study's conclusion demonstrated that the production of this cultural calendar has provided comprehensive training to teachers on how to practice culturally responsive pedagogy in Moral Education classes, resulting in a direct impact on students. As a result, students have become more confident and prouder of their identities, motivating themselves to learn more.

**Keywords :** Cultural Calendar, Local Culture, Moral Education, Culturally Responsive Pedagogy

**Abstrak**

Kajian ini bertujuan menjelaskan kepentingan penggunaan kalendar budaya dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek Pendidikan Moral. Dengan tujuan ini, kajian ini akan mereka bentuk kalendar budaya dengan menerapkan budaya lokal daripada pelbagai kaum di Malaysia. Kajian juga menilai kebolehgunaan kalendar budaya dalam pengajaran subjek Pendidikan Moral. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk Kajian Reka Bentuk dan Pembangunan (*Design and Development Research* DDR) diaplikasikan dalam kajian ini. Pemilihan subjek kajian dijalankan secara persampelan bertujuan melibatkan 6 orang guru pelatih major subjek Pendidikan Moral yang telah menjalani Latihan Mengajar. Data dianalisis dengan mengadaptasikan tiga Fasa dalam Model Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR) dimana fasa yang pertama adalah Analisis Keperluan, fasa yang kedua iaitu Reka Bentuk dan Pembangunan. Manakala, fasa yang ketiga iaitu Penilaian. Hasil kajian menunjukkan responden mempunyai kesedaran yang tinggi mengenai kepentingan menerapkan budaya lokal dalam pengajaran dan pembelajaran. Dari segi reka bentuk kalendar pula dapatan menunjukkan majority responden menginginkan kalendar yang ingin dihasilkan ini berfokus kepada pendedahan tentang budaya kaum minority dengan tidak mengabaikan budaya etnik utama lain di negara kita. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kalendar budaya yang dihasilkan ini adalah menarik, relevan. Dapatan kajian menunjukkan kalendar budaya ini dapat memberikan latihan yang komprehensif kepada para guru supaya mengamalkan pedagogi responsif budaya di dalam kelas Pendidikan Moral. Ia juga mempunyai impak langsung ke atas pelajar, menjadikan mereka lebih yakin dan bangga dengan identiti mereka, seterusnya memotivasikan diri untuk turut menguasai pembelajaran.

**Kata kunci:** Kalendar Budaya, Budaya Lokal, Pendidikan Moral, Pendidikan Pelbagai Budaya, Pedagogi Responsif Budaya

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License

Received 2nd April 2023, revised 1th May 2023, accepted 10th May 2023

## Pengenalan

Pendidikan Moral Sekolah Menengah merupakan salah satu subjek teras yang wajib diambil oleh semua murid bukan Islam sejak daripada tahun 1989 lagi (Tan et al, 2018)[1] . Dalam subjek Pendidikan Moral terdapat banyak topik yang berkaitan dengan budaya yang diamalkan oleh masyarakat Malaysia. Ini dapat dilihat bahawa elemen pelbagai budaya dalam kurikulum Pendidikan Moral diterjemahkan secara eksplisit dan diperkembangkan melalui tema dan bidang yang khusus, bermula dari Tingkatan 1 sehingga Tingkatan 5. Maka, ia menunjukkan bahawa budaya lokal merupakan sebahagian yang penting dalam subjek Pendidikan Moral.

Muhammad Zakwan et al. (2020)[2] mengatakan bahawa selain isi kandungan kurikulum yang berteraskan budaya, pendekatan pengajaran guru juga haruslah menghubungkan pengalaman budaya yang dipraktikkan oleh pelajar di rumah dan pembelajaran di sekolah. Ini bermakna budaya itu sendiri perlu dijadikan elemen atau sesuatu yang penting dalam Pengajaran dan Pembelajaran.

Sehubungan itu, pendekatan pedagogi responsif budaya memainkan peranan yang penting untuk mengetengahkan budaya lokal dalam pengajaran subjek Pendidikan Moral. Hal ini kerana pedagogi responsif budaya penting dalam mencipta iklim bilik darjah yang mesra pelbagai budaya dan motivasikan pembelajaran pelajar. Dalam kelas Pendidikan Moral yang terdiri daripada pelbagai kaum, adalah amat penting dalam menerapkan iklim bilik darjah mesra budaya yang menyokong pembentukan interaksi dan kerjasama dalam kalangan murid yang terdiri daripada pelbagai etnik dan kaum.

Guru memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan elemen mesra pelbagai budaya dalam kalangan murid, guru bukan setakat perlu menguasai maksud budaya, malah perlu menghargai setiap budaya, identiti, cara kehidupuan yang berbeza-beza dalam kalangan murid pelbagai etnik dalam sekolah. Pengetahuan, kepekaan, kemahiran terhadap kebudayaan adalah penting bagi guru supaya dapat mengelakkan salah faham dan prasangka semasa pembelajaran dan pengajaran dalam kelas. Oleh itu, pengkaji berusaha untuk merekakan kalendar budaya dengan menerapkan budaya lokal dalam pengajaran subjek Pendidikan Moral, agar kalendar budaya ini sebagai satu pendekatan pedagogi responsif budaya yang boleh membantu guru Pendidikan Moral mengendali kelas yang mempunyai murid pelbagai budaya, seterusnya mewujudkan iklim kelas yang mesra budaya dan menyokong perkembangan murid yang mempunyai pelbagai latar belakang.

## Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan bagi mencapai beberapa objektif iaitu:

1. Menjelaskan kepentingan penggunaan kalendar budaya dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek Pendidikan Moral
2. Mereka bentuk kalendar budaya dengan menerapkan budaya lokal
3. Menilaikan kebolehgunaan kalendar budaya dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Pendidikan Moral

## Kajian Literatur

Bahagian ini akan membincangkan mengenai kajian literatur yang berkait rapat dengan topik kajian Pendidikan Pelbagaian Budaya, Pedagogi Responsif Budaya, dan Kalendar Pelbagai Budaya termasuklah kajian dalam Malaysia dan luar negara.

## Pendidikan Pelbagai Budaya

Banks (2002)[3] mendefinisikan Pendidikan Pelbagai Budaya sebagai satu idea, satu tindakan membentuk semula pendidikan dan satu proses. Pendidikan Pelbagai Budaya percaya bahawa cara setiap murid belajar dan berfikir amat dipengaruhi oleh identiti budaya dan warisan. Pendidikan Pelbagai Budaya juga berpendapat bahawa dalam sesuatu sesi pembelajaran perlu adanya persetujuan bersama, perasaan hormat-menghormati dan pemupukan kepelbagaian budaya dalam kalangan murid dan guru.

Abdullah Kadir et al. (2019)[4] yang menjalankan kajian berkaitan dengan Pemupukan Amalan Anti-Bias (APAB) dalam Pendidikan Prasekolah di Luar Bandar turut berfokus kepada Pendidikan Pelbagai Budaya. Mereka yang mengungkap pandangan Banks (2002) menyatakan bahawa Pendidikan Pelbagai Budaya merupakan pengajaran yang memupuk amalan budaya di persekitaran sebagai sumber utama. Menurut beliau juga pengetahuan tentang Pendidikan Pelbagai Budaya akan memberi pelbagai pendekatan pengajaran melibatkan integrasi pengetahuan, kemahiran asas serta memupuk perkongsian amalan nilai murni.

Secara keseluruhannya, Pendidikan Pelbagai Budaya berperanan sebagai panduan kepada sektor pendidikan terutamanya para pentadbir dan guru di sekolah yang mempunyai pelajar pelbagai latar belakang. Guru boleh menerapkan idea Pendidikan Pelbagai Budaya untuk mendedahkan kepada murid tentang pengiktirafan, penerimaan, dan menunjukkan rasa hormat dan toleransi terhadap perbezaan yang berkaitan dengan umur, ketidakupayaan, kelas sosial, etnik, agama, ciri bahasa, dan budaya. Hal ini agar dapat mewujudkan generasi yang mempunyai kesedaran berkaitan sensitiviti dalam kepelbagaian di masayarakt sebenar. Maka, melalui penerapan Pendidikan Pelbagai Budaya ini akan dapat melahirkan warganegara yang menghormati, menghargai dan bertolak ansur terhadap perbezaan yang wujud di masyarakat Malaysia.

## Pedagogi Responsif Budaya

Mohd Nazri et al. (2021)[5] mendefinisikan pedagogi responsif budaya sebagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran menggunakan sumber rujukan budaya setempat dalam menyampaikan pengetahuan, kemahiran, dan pembentukan tingkah laku pelajar. Tengku Nor Rizan et al. (2014) dalam Muhammad Zakwan et al. (2020)[2] menyatakan bahawa tujuan utama pendekatan pedagogi responsif budaya adalah untuk membantu pelajar berpencapaian rendah untuk mencapai tahap pendidikan berkualiti tinggi seperti rakan lain. Hal ini disokong oleh Noriati A. Rashid et al. (2011)[6] bahawa perbezaan antara budaya dalam kalangan kanak-kanak akan mempengaruhi cara mereka berfikir dan bertindak.

Muhammad Zakwan et al. (2020)[2] telah menjalankan kajian berkaitan kesedaran, pengetahuan, dan kesediaan 12 orang guru terhadap pedagogi responsif budaya di daerah Lembah Klang melalui kaedah persampelan bertujuan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua responden sedar akan kepentingan dan keberkesanan pedagogi responsif budaya dalam mewujudkan ekosistem pembelajaran yang efektif. Bukan itu sahaja, pedagogi responsif budaya juga dianggap berpotensi dalam meningkatkan pencapaian akademik murid disamping dapat mewujudkan hubungan yang positif antara guru dan murid. Walaubagaimanapun, dapatan kajian melaporkan bahawa majoriti responden tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi untuk melaksanakan pedagogi responsif budaya. Namun, meskipun kekurangan dari segi input, majoriti daripada responden melaporkan bahawa mereka bersedia untuk mengamalkan pedagogi responsif budaya di dalam pengajaran.

Mohd Nazri et al. (2021)[5] membuat kajian untuk meneroka pelaksanaan pedagogi responsif budaya menerusi cerita rakyat untuk kemahiran literasi awal kanak-kanak di tabika yang terletak di Tangkak, Johor. Antara soalan kajian yang ingin dijawab ialah apakah restrospeksi guru terhadap pelaksanaan pedagogi responsif budaya menerusi cerita rakyat untuk kemahiran literasi awal kanak-kanak. Penyelidik menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif dengan

pendekatan kajian berbentuk tinjauan. Data dikumpulkan melalui kaedah temu bual dan '*focus group discussion'* sebelum dan selepas aktiviti dilaksanakan. Dapatan kajian Mohd Nazri et al. (2021)[5] menunjukkan pada amnya, faktor kreativiti guru dalam penyampaian cerita rakyat mempengaruhi penguasaan kemahiran literasi awal kanak-kanak berkepelbagaian budaya.

**Kalendar Pelbagai Budaya**

Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik, terdapat pelbagai warisan budaya yang diwarisi secara turun-temurun. Bagi memastikan kesemua warisan budaya ini terus menjadi amalan kepada generasi yang akan datang dan sebagai salah satu medium untuk mendedahkan tentang kepelbagaian terutamaya kepada murid-murid. Kalendar budaya yang merekod setiap peristiwa ataupun budaya daripada setiap etnik merupakan satu rekaan yang boleh menyediakan peluang kepada pelajar untuk mempelajari dan menghargai kepelbagaian budaya di dalam sekolah dan komuniti mereka. Ia juga dapat membantu mempromosikan kesedaran dan pemahaman budaya, mengurangkan stereotaip, dan mendorong perasaan inklusiviti dalam kalangan pelajar dari latar belakang yang berbeza.

Suhaila Abd Rani (2003)[7] menyatakan bahawa terdapat tiga tujuan utama sesuatu kalendar diwujudkan. Antaranya adalah kalendar diwujudkan untuk memenuhi keperluan-keperluan dan kehendak sesuatu masyarakat untuk menyusun unit-unit masa. Kedua adalah kalendar digunakan sebagai penghubung diantara manusia dan kosmos. Ketiga adalah kalendar menjadi suatu sumber bagi aturan sosial dan identiti sesuatu budaya. Hal ini kerana memang sejak dahulu lagi kalendar digunakan sebagai panduan kepada perancangan seperti bercucuk tanam, perburuan, dan kitar migrasi bagi tujuan perayaan keagamaan.

Juniar & Betha Almanfaluthi (2021)[8] telah menjalankan kajian yang bertajuk "Desain Kalendar Dengan Inspirasi Kalendar Tradisional di Indonesia" Pengkaji telah menggunakan kalendar tradisional yang merupakan warisan budaya lokal Indonesia sebagai panduan untuk menghasilkan reka bentuk kalendar budaya yang lebih moden tetapi masih mengekalkan identiti budaya asal Indonesia. Data untuk kajian ini dikumpulkan dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah temu bual, pemerhatian, dan keperpustakaan. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa kalendar yang dihasilkan ini selaras dengan idea awal dimana pengguna boleh cetak secara digital tetapi dengan syarat pengguna tidak boleh menggunakan kalendar ini untuk tujuan komersial. Sebaliknya, pengguna hanya berhak menggunakan produk ini untuk tujuan peribadi. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa strategi paling berkesan untuk menyebarkan versi digital ini adalah dengan menggunakan media sosial dan membuat akaun khas untuk berkongsi fail digital ini. Pengkaji juga berharap agar hasil percubaan kalendar ini akan menjadi nilai tambah untuk rujukan kepada reka bentuk kalendar berasaskan budaya tempatan yang akan datang.

Sosin & De Lawter (1999)[9] telah menjalankan tinjauan eksperimen tentang penghasilan artifak kalendar budaya oleh pelajar biasa di sekolah rendah dan menengah, serta penerokaan dan tafsiran artifak ritual sebagai kalendar. Penyelidik melihat artifak kalendar pelbagai budaya sebagai objek yang mendokumentasikan pendekatan kurikulum pelbagai budaya dan menyiasat cara pelajar membina makna dan mentafsir isu kurikulum pelbagai budaya. Pelajar perlu mencipta dan membentangkan kalendar pelbagai budaya untuk kegunaan praktikal dalam pengajaran pada masa depan. Kalendar direka untuk mencipta makna pelbagai budaya individu dan dalam

perhubungan. Pelajar harus memaparkan kalendar mereka di dalam kelas dan mendapatkan maklum balas. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dengan mencipta kalendar-kalendar pelbagai budaya membolehkan pelajar-pelajar mengenal pasti idea-idea dan kepercayaan mereka dalam menghadapi pelajar-pelajar pelbagai budaya dan kurikulum, serta memberi keyakinan kepada mereka untuk menyumbang kepada komuniti sekolah. Kalendar-kalendar tersebut memungkinkan pertukaran pandangan antara rakan sekerja yang berminat dalam membangunkan perspektif global pelajar-pelajar.

Penghasilan kalendar budaya memang bukan satu idea pertama kerana kajian-kajian lepas telah membuktikan bahawa terdapat penghasilan kalendar ini seperti memodenkan kalendar dan menerapkan budaya lokal. Walaubagaimanapun, kajian tentang penghasilan kalendar budaya yang menerapkan budaya lokal dalam subjek Pendidikan Moral belum ada di negara kita. Justeru, dapat dijelaskan bahawa idea pengkaji untuk menghasilkan inovasi kalendar budaya ini adalah suatu yang relevan. Hal ini kerana tinjauan kajian lepas telah membuktikan bahawa betapa perlunya seseorang guru untuk mempunyai kesedaran tentang budaya kepelbagaian. Oleh itu, kajian pengkaji ini cuba untuk menutup lompang yang ada daripada kajian-kajian lepas.

## Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan Kajian Reka Bentuk dan Pembangunan atau lebih dikenali sebagai Design and Development Research (DDR) sebagai panduan untuk mencapai objektif kajian ini. Kajian yang menggunakan pendekatan DDR ini juga dikatakan sesuai untuk pembangunan reka bentuk pelbagai bidang kajian termasuk strategi pembelajaran, pembangunan program, pembangunan model dan pembangunan produk . Oleh itu, pendekatan DDR ini digunakan untuk menguji teori dan kebolehgunaan sesuatu model atau produk secara praktikal (Ulrich et al, 2011; Mohd Ridhuan et.al, 2018; Ramlan (2017) dalam Sukor Beram et al. (2020)[10]
.

Pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini untuk mengumpulkan idea tentang komponen budaya lokal atau pengalaman daripada guru dalam menghasilkan kalendar budaya yang menerapkan budaya lokal. Dengan itu, pengkaji haruslah bersama dengan peserta kajian untuk mendapat data melalui temu bual dan kajian keperpustakaan. Kajian reka bentuk dan pembangunan (DDR) pula sesuai dengan kajian ini kerana pengkaji akan menjalankan kajian berkaitan pembangunan kalendar budaya yang memerlukan panduan daripada DDR untuk menguji kebolehgunaan kalendar budaya yang akan dihasilkan ini.

## Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan ialah dengan menggunakan kaedah temu bual dan kajian keperpustakaan. Melalui kaedah temu bual, data yang diperolehi adalah lebih jelas kerana pengkaji berpeluang untuk berinteraksi secara terus dengan responden. Kaedah keperpustakaan juga membolehkan pengkaji memperoleh maklumat berkaitan kajian dengan mudah dan fleksibel.

## Kaedah Pengumpulan Data

Data kajian ini telah dikumpul dengan mengadaptasikan Model Reka Bentuk dan Pembangunan (Design and Development Research) atau lebih dikenali sebagai Model DDR. Menurut Ahmad Zaki Aminuddin et al. (2021)[11] model reka bentuk DDR terdapat pelbagai fada. Pengkaji memilih

dan menyesuaikan dengan model reka bentuk DDR Fasa 2 sebagai panduan bagi memastikan proses pembangunan berjalan secara teratur dan terarah. Penghasilan kalendar budaya dalam kajian ini dilakukan seperti aliran di bawah:




*Gambarajah 1* Aliran Penghasilan Kalendar Budaya Mengikut Fasa

**Analisis Data**

Analisis data adalah dilakukan secara berterusan sepanjang kajian dijalankan bagi pemilihan pendekatan kajian kualitatif. Sebanyak dua sesi temu bual dijalankan untuk mendapatkan data-data daripada responden. Data-data tersebut kemudiannya ditranskrip dengan membaca dan mendengar balik maklumat yang diberikan melalui catatan nota dan pita perakam. Oleh itu, analisis data yang telah diperolehi ini kemudiannya akan diperincikan lagi melalui beberapa peringkat yang yang terlibat seperti pengekodan dan penghasilan tema dan kategori.

**Profil Peserta Kajian**

Pengkaji menggunakan teknik pemilihan responden kajian secara persampelan bertujuan atau lebih dikenali sebagai “purposive sampling”. Populasi kajian terdiri daripada semua guru pelatih Pendidikan Moral yang pernah menjalani latihan mengajar di sekolah menengah di Malaysia. Manakala, sampel kajian adalah melibatkan 6 orang guru pelatih Pendidikan Moral daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Jadual 1
*Profil Responden Kajian*

| Responden / Perkara | Responden 1 | Responden 2 | Responden 3 | Responden 4 | Responden 5 | Responden 6 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Jantina | Lelaki | Lelaki | Lelaki | Perempuan | Perempuan | Perempuan |
| Umur | 24 | 24 | 24 | 24 | 24 | 24 |
| Kaum | Melayu | Melayu | Melayu | Bidayuh | Kadazan-dusun | Kayan |

### i. Transkripsi Temu Bual

Selepas menjalankan sesi temu bual, maklumat yang direkod oleh pengkaji melalui buku nota dan pita rakaman akan ditranskrip bagi mendapatkan data. Othman Lebar (2021)[12] juga berpendapat bahawa membuat transkripsi rakaman temu bual sepenuhnya merupakan pangkalan data yang terbaik. Namun, beliau mencadangkan agar pengkaji boleh mengupah orang untuk melakukan kerja-kerja transkripsi ini memandangkan ianya memerlukan masa dan tenaga yang yang banyak. Walaubagaimanapun, dalam hal ini pengkaji memilih untuk melaksanakan proses transkripsi sendiri memandangkan kajian ini hanya menggunakan responden kajian dalam kuantiti yang sedikit iaitu seramai 6 orang sahaja. Tambahan pula, pengkaji ingin mendalami sendiri maklumat-maklumat yang diberikan daripada responden. Tambahan pula, kemungkinan besar terdapat beberapa istilah yang tidak difahami oleh orang lain yang bukan daripada bidang ini sendiri.

### ii. **Pengekodan**

Pengkaji telah melakukan proses pengekodan untuk memudahkan perlabelan, penyusunan, dan pengaturan data-data mentah yang telah dikumpulkan. Pengkaji hanya memilih maklumat-maklumat penting yang berkaitan dengan tema dan soalan-soalan kajian yang telah dilakukan

Jadual 2
*Proses pengekodan berdasarkan transkripsi temu bual*

| Responden | Objektif 1: Kepentingan budaya lokal dalam Kalendar Budaya | Objektif 2: Reka Bentuk Kalendar Budaya | Objektif 3 : Kebolehgunaan Kalendar Budaya |
|---|---|---|---|
| 2<br>- perempuan (23 tahun)<br>- kaum (Bidayuh) | **S1: Adakah budaya lokal penting dalam PdP Pendidikan Moral?**<br><br>- **penting** dan perlu diutamakan<br>- Kita boleh pandang tinggi negara luar tetapi kita jangan pandang rendah pada negara kita sendiri<br>- memperbetulkan pandangan murid tentng ketinggalan zaman budaya lokal<br>- menzahirkan rasa patriotik<br><br>**S2: Apakah reaksi atau respon yang diberikan oleh murid apabila mereka mengikuti pelajaran berkaitan dengan topik kepelbagaian budaya lokal?**<br><br>- kelas hadapan boleh jawab berkenaan soalan budaya yang umum<br>- kelas belakang senyap dan tidak dapat jawab<br>- **berkenaan budaya diorang kurang ditekankan.** Jadi, saya rasa itu tanggungjawab saya lar perlu ditekankan lagi.<br><br>**S3: Adakh perlu adanya satu inovasi yang menerapka pendedahan** | **S1:Apakah komponen budaya yang perlu saya masukkan?**<br><br>- **Benda-benda yang orang tak ambil berat dan orang tak tau sangat.**<br>- Adat resam<br>- perayaan yang **bukan bagi kaum majoriti iaitu bagi kaum minoriti.**<br><br>**S2: Budaya apakah yang sesuai dimasukkan di dalam kalendar budaya ini?**<br>- **mempelbagaikan budaya tak tertumpu kepada satu budaya**<br>- melambangkan keunikan negara Malaysia berbanding dengan negara-negara lain.<br>- mengetengahkan kesemua budaya ini akan mengeratkan perpaduan lagi.<br>- **mengetengahkan budaya Orang Asli** mungkin dapat mengetengahkan lar situasi Orang Asli yang sekarang, budaya yang dorang amalkan, kepercayaan yang dorang amalkan<br>**S3: Adakah guru pelatih rasa sesuai jika di dalam kalendar budaya juga ada diselitkan dengan budaya menyambut kelahiran murid**<br><br>- **Relevan** | **S1: Adakah inovasi ini sesuai untuk digunakan di dalam kelas Pendidikan Moral dan sekirannya diberikan kepada guru, adakah guru akan menggunakannya?**<br>- **sesuai** untuk digunakan dalam kelas **terutamanya mata pelajaran Pendidikan Moral**<br>- saya akan gunakan la sebab dia **dapat menarik murid dan satu kelainan dalam pembelajaran.**<br><br>**S2: Dalam topik apa yang sesuai untuk menggunakan kalendar budaya ini?**<br>- bidang 7 moral dan kenegaraan unit 11 dalam moral tingkatan 4 sebab dia cakap pasal keunikan rakyat Malaysia<br><br>**S3: Apa pandangan guru pelatih secara menyeluruh berkenaan inovasi kalendar budaya ini? Kelebihan/ cadangan?**<br>Kelebihan: menarik la sebab mampu **menarik perhatian pelajar sebab dia kelainan dalam inovasi** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **tentang budaya lokal dalam kalangan guru dan murid?**<br><br>- sangat perlu sebab **sesetengah guru pun dia kurang pengetahuan tentang budaya lokal.**<br>- murid perlu tahu budaya lokal terlebih dahulu sebelum mereka melangkah mengetahui tentang budaya luar<br>- **baik dan relevan untuk dijalankan dan diketengahkan dalam institusi persekolahan.** | - dapat menunjukkan kita ni **hargai kewujudan dia**.<br>- mewujudkan **kasih sayang antara semua,** sifat kepedulian antara semua. | Cadangan: dalam setiap perayaan dalam tarikh tu boleh letak lagi berkenaan baju perayaan tahun tu ke atau amalan kebudayaan bagi kebudayaan tu ke serta makanan bagi kebudayaan perayaan tu dalam<br>-setiap tarikh tu dalam kotak kecik tu mungkin boleh letak gambar dalam tu dibelakang nombor tu untuk lebih menarik dan menambah pengetahuan murid. |
| **Tema** | Sangat penting dan perlu diutamakan, penekanan budaya lokal, relevan dan sesuai dalam institusi persekolahan | Budaya yang kurang didedahkan, Mempelbagaikan budaya (majoriti dan minoriti) | Sesuai dalam Pendidikan Moral, Menarik minat murid, Mesra pengguna,Kelainan dalam inovasi |
| **Interprestasi pengkaji** | Secara keseluruhannya, responden 2 menyatakan bahawa penerapan budaya lokal dalam Pendidikan Moral sangat penting untuk memperbaiki pandangan murid bahawa budaya lokal adalah *out-dated* dan tak perlu diberikan perhatian. Responden juga menyatakan bahawa tidak semua guru dan murid mempunyai pengetahuan yang menyeluruh berkaitan budaya lokal di negara kita. Oleh itu, beliau menyatakan bahawa penghasilan kalendar budaya ini sangat sesuai dilaksanakan dalam institusi persekolahan sebagai pendedahan awal kepada murid-murid disamping dapat menerapkan semangat perpaduan dalam kalangan warga sekolah. | Secara umumnya, responden 2 menekankan agar pengkaji memberi perhatian kepada budaya yang kurang didedahkan seperti budaya kaum minoriti. Tetapi dalam masa yang sama responden menyatakan agar pengkaji juga tidak meminggirkan budaya kaum majoriti yang terdapat di negara ini. Hal ini kerana ia menunjukkan identiti kepada negara kita. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa responden menginginkan agar kalendar budaya yang akan dihasilkan ini mempelbagaikan budaya majoriti dan minoriti yang terdapat di negara kita. | Berdasarkan transkrip daripada responden 2, beliau membahagikan kebolehgunaan kalendar budaya kepada 3 perkara penting iaitu sesuai sebagai BBM dalam subjek Pendidikan Moral, menarik minat murid, dan Mesra pengguna. |

## Dapatan Kajian

### Kepentingan penggunaan kalendar budaya dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek Pendidikan Moral




*Gambarajah 2* Kepentingan Penerapan Budaya Lokal

### i. Pelajar Kurang Pendedahan Budaya Lokal

Berdasarkan hasil dapatan kajian dari temu bual yang dilaksanakan bersama responden telah menyatakan bahawa mereka menyedari tentang kepentingan penerapan budaya lokal dalam sesi pembelajaran dan pengajaran Pendidikan Moral. Responden menjelaskan tentang kesedaran mereka berkaitan budaya lokal.

*"Penekanan budaya lokal penting dan perlu diutamakan. Hal ini kerana kita boleh pandang tinggi negara luar tetapi kita jangan pandang rendah pada negara kita sendiri. Melalui penerapan budaya lokal juga dapat memperbetulkan pandangan murid tentang ketinggalan zaman budaya lokal dan seterusnya dapat menzahirkan rasa patriotik dalam diri murid."* (Responden 2)

*"Budaya tempatan memang sangat penting untuk menanamkan sifat hormat budaya lain, hormat cara hidup kaum lain dalam diri setiap pelajar sekali gus dapat memartabatkan bangsa dan budaya kita."* (Responden 3)

*"Budaya lokal amat penting sebab generasi masa kini ataupun kadang-kadang diri kita sendiri masih belum cukup faham dengan budaya lokal yang ada di negara kita. Penerapan budaya lokal dalam kalendar budaya akan meningkatkan sensitiviti dalam kalangan murid."* (Responden 4)

Maklumat yang disampaikan oleh responden 2,3, dan 4 di atas membuktikan bahawa kesemua responden sangat menikberatkan pendedahan tentang budaya lokal dalam kalangan murid serta memberi keutamaan kepada penerapan budaya lokal dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Pendidikan Moral.

**ii. Mengeratkan hubungan guru dan murid**

Dapatan kajian juga menunjukkan Kalendar Budaya akan meningkatkan kefahaman mengenai kebudayaan dan tradisi yang ada di Malaysia baik dalam kalangan guru mahupun murid-murid pelbagai etnik. Kalendar budaya ini secara tidak langsung akan menjadi panduan kepada para guru untuk mempraktikkan pedagogi responsif budaya di dalam kelas Pendidikan Moral. seseorang Murid yang mempunyai latar belakang yang berbeza berkemungkinan mempunyai gaya bahasa, lenggok bahasa dan kemahiran berbahasa yang berbeza, Kalendar Budaya akan mendorong murid untuk lebih berminat belajar serta gembira apabila budayanya diterima dan dipaparkan dalam kalender.

*"Pendedahan budaya lokal memang sangat penting supaya bukan sahaja murid yang diberi pendedahan tetapi guru-guru lain daripada semua kaum, semua budaya pun akan terus diberi pendedahan tentang budaya lokal. Dalam masa yang sama hubungan antara satu lain pun akan lebih erat dan boleh membantu dalam mengekalkan perpaduan di negara"* (Responden 4)

Maklumat yang disampaikan oleh responden 4 di atas membuktikan bahawa beliau melihat budaya lokal adalah sangat penting dan ianya berpotensi untuk mewujudkan hubungan yang baik diantara guru dan murid. Hal ini kerana apabila kita cuba untuk mengenali seseorang daripada aspek budaya mereka, kita akan faham kenapa mereka melakukan perkara tersebut. Keadaan ini juga dapat memperbetulkan stereotaip kita terhadap orang lain. Oleh itu, dapat disimpulkan melalui kalendar budaya yang menerapkan budaya lokal ini membekalkan maklumat yang berguna kepada murid dan guru untuk digunakan dalam realiti masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan etnik

**Reka bentuk kalendar budaya dengan menerapkan Budaya Lokal**




*Gambarajah 3* Reka Bentuk Kalendar Budaya

**i. Komponen Budaya Normatif**

Budaya normatif adalah norma sosial yang berupa kelakuan standard yang dikongsi oleh masyarakat dimana kelakuan tersebut dijangka akan dipatuhi oleh semua orang. Berdasarkan dapatan yang diperolehi daripada responden, mereka mencadangkan agar pengkaji memasukkan

dari segi makanan, pakaian tradisional setiap kaum dan kesenian seperti tarian. Hal ini kerana mereka berpandangan bahawa elemen-elemen yang menjadi kebiasaan dalam masyarakat membolehkan murid lebih senang untuk mentafsir dan menerima input-input yang cuba untuk diterapkan oleh guru melalui kalendar budaya tersebut.

*"Macam kita tau makanan ni memang semua orang minat, pakaian mungkin boleh dari segi keunikan disebalik setiap baju pelbagai kaum, dan akhir sekali kesenian macam tarian. Bagi saya tiga komponen antara saya rasa paling common dan mudah untuk interpret pada student lar"* (Responden 1)

Maklumat yang disampaikan oleh responden di atas membuktikan bahawa kita perlu mencari benda-benda yang rapat ataupun mudah untuk menarik perhatian murid. Dengan ini kita dapat mempengaruhi murid untuk mempunyai hati yang terbuka semasa mempelajari berkaitan dengan kepelbagaian. Pernyataan ini turut dikatakan oleh Noriati A. Rashid et al. (2011)[6], bahawa guru perlu mencari pendekatan yang sesuai untuk mengaitkan pengalaman murid di rumah dan persekitaran dengan pengalaman di sekolah.

**ii. Komponen Budaya yang Kurang Didedahkan**

Menurut Jabatan Penerangan Malaysia yang dicapai pada December 2022, terdapat pelbagai suku etnik minoriti dengan masing-masing mendiami petempatan khusus di seluruh Malaysia yang mengamalkan adat dan budaya yang tersendiri, dan juga mempamerkan penampilan serta gaya hidup yang berbeza dengan suku kaum lain. Berdasarkan kepada dapatan kajian, responden menyatakan bahawa mereka ingin menekankan komponen budaya yang kurang diberi perhatian oleh orang lain seperti adat resam berbanding dengan komponen budaya seperti makanan, pakaian, dan kesenian yang rata-ratanya sudah mempunyai pengetahuan asas berkaitan elemen berkenaan.

*"Pada saya, masukkan benda-benda yang orang tak ambil berat dan orang tak tau sangat. Contohnya adat resam, perayaan yang bukan bagi kaum majoriti iaitu bagi kaum minoriti. Benda-benda yang orang tak ambil berat dan orang tak tau sangat"* (Responden 2)

*"Bagi saya, komponen budaya seperti adat resam. Apabila kita tau adat resam sesuaru budaya dia akan tahulah macam mana untuk menghormati budaya itu"* (Responden 3)

Maklumat yang disampaikan oleh responden membuktikan bahawa tindakan yang cuba untuk mendedahkan kepada murid tentang adat resam merupakan suatu perkara yang relevan. Hal ini disokong oleh Noriati A. Rashid et al. (2011)[6], bahawa guru boleh menjadikan murid-muridnya sebagai sumber dalam menyampaikan maklumat yang berhubung dengan adat resam etnik muridnya. Hal ini kerana adat resam adalah suatu amalan yang diwarisi secara turun-temurun. Ianya boleh berupa pantang larang dan adat kepercayaan yang sudah menjadi sebati dalam masyarakat dari generasi ke generasi. Pengetahuan tentang adat resam dalam kepelbagaian adalah perlu bagi mengealakkan sebarang isu-isu sensitiviti disamping dapat menambah ilmu pengetahuan murid terutamanya mereka yang kurang bergaul atau didedahkan dengan golongan minoriti di negara kita.

Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa responden bersetuju untuk menambahkan ciri khas iaitu budaya menyambut hari kelahiran setiap murid ke dalam kalendar

budaya. Hal ini kerana mereka menyatakan bahawa perkara ini merupakan satu keistimewaan yang menarik dan wajar untuk dipraktikkan. Majoriti responden menyatakan bahawa penerapan budaya menyambut hari kelahiran ini akan memupuk nilai-nilai menghargai kawan dan mewujudkan jalinan persahabatan yang mesra dalam kalangan murid serta murid dengan guru.

*"Sesuai untuk letakkan budaya meraikan hari kelahiran murid untuk jadikan kalendar lebih ceria. Menarik perhatian untuk student selalu tengok lama- lama mereka dapat input dari kalendar budaya"* (Responden 1)

*"Sesuai sebab boleh menyemarakkan keadaan. Hal ini akan membuatkan murid lebih excited dan mereka akan rasa lebih disayangi, dihargai. Mereka juga lebih tertarik untuk terlibat dan terus menggunakan kalendar budaya yang cik hasilkan nanti"* (Responden 4)

*"Satu cadangan atau idea yang menarik. Hal ini kerana mereka akan rasa dihargai dan ianya akan macam lebih menyebabkan mereka lebih seronok untuk hadir ke kelas Pendidikan Moral sebab mereka tahu guru ada sifat empati dan simpati terhadap mereka"* (Responden 6)

Maklumat yang disampaikan oleh responden jelas membuktikan bahawa salah satu kebaikan yang ketara bila menerapkan budaya menyambut hari kelahiran murid adalah murid rasa dihargai kerana guru mempunyai rasa simpati dan empati terhadapnya. Hal ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Nurhijrah Zakaria et al. (2017)[13] yang menyatakan bahawa guru sejarah yang responsif pelbagai budaya mempamerkan sikap yang positif terhadap kepelbagaian budaya. Oleh itu, budaya menyambut kelahiran murid wajar untuk dipraktikkan kerana dapat mewujudkan keharmonian antara guru dengan murid dan murid dengan murid pelbagai kaum.

**Kebolehgunaan kalendar budaya dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Pendidikan Moral**

**I. Kesesuaian Isi Kandungan**




*Gambarajah 4* Kebolehgunaan Kalendar Budaya dalam PdP Pendidikan Moral

Kalendar budaya adalah kalendar yang mengumpulkan kepelbagaian budaya daripada pelbagai etnik ke dalam satu kalendar. Setiap bulan akan berfokus kepada satu kaum atau etnik tertentu. Dalam menghasilkan kalendar dalam sesebulan itu, pengkaji akan mengambil kira perayaan ataupun tradisi apakah yang dominan dalam bulan tertentu. Misalnya pada bulan Januari, ianya berfokus kepada sambutan Tahun Baru Cina bagi etnik Cina. Jadi, pada bulan tersebut akan menceritakan bahasa, pakaian, makanan, dan adat resam yang berkaitan dengan budaya etnik Cina. Dari segi bahasa, pengkaji menyelitkan penggunaan Bahasa Mandarin pada bahagian nama setiap hari yang dibekalkan sekali dengan tulisan Pinyin bagi memudahkan pembaca sekirannya mereka ingin menyebut perkataan tersebut. Jadi, bagi setiap bulan akan digantikan dengan budaya daripada etnik yang berlainan tetapi berpegang kepada konsep yang sama iaitu pedagogi responsive budaya.

Berdasarkan kepada dapatan kajian, majoriti responden menyatakan bahawa kalendar budaya ini sangat relevan dan menepati konsep yang telah dirancang oleh pengkaji iaitu pedagogi responsive budaya. Mereka juga mengatakan bahawa dengan adanya kalendar budaya ini, ia dapat menjimatkan masa para guru untuk mencari maklumat berkaitan dengan budaya-budaya di negara ini kerana kalendar budaya ini sudah memadai kerana dibekalkan dengan maklumat yang cukup padat.

*"Ianya sangat membantu terutamanya dalam mengajar tentang amalan tradisi pelbagai kaum. Pada saya, ianya membantu untuk memberi satu gambaran yang sebenar dan dapat memperkenalkan apakah aktiviti-aktiviti tahunan yang diraikan oleh sesuatu kaum. Melalui kalendar budaya ini, ia dapat memudahkan saya untuk listkan apa yang sesuatu kaum tu ada dan ia menjimatkan masa saya"* (Responden 5)

Maklumat yang disampaikan oleh responden jelas membuktikan bahawa responden sangat setuju dengan isi kandungan yang cuba untuk mendedahkan tentang budaya sesuatu kaum atau etnik yang terdapat dinnegara kita. Penilaian yang dapat daripada para responden sangat memuaskan dan rata-ratanya berpuas hati dengan kebolehgunaannya.

## II. Kemampuan Menarik Minat Murid

Semestinya sesuatu inovasi bahan bantu mengajar yang dihasilkan oleh pereka-pereka matlamat utamanya adalah untuk mengatasi atau mendorong murid untuk berminat dalam mempelajari sesuatu ilmu. Begitu juga dengan inovasi kalendar budaya yang diciptakan oleh pengkaji untuk menarik perhatian murid semasa mempelajari subjek Pendidikan Moral.

Sebagai langkah penyelesaian kepada masalah ini, pengkaji cuba untuk memanfaatkan masyarakat Malaysia yang kaya dengan kepelbagaian budaya dan mempersembahkan keunikan tersebut dalam bentuk yang lain daripada yang lain iaitu kalendar. Tambahan dengan fungsi kalendar yang sememangnya berfungsi sebagai alat peringatan kepada peristiwa ataupun perayaan penting bagi setiap kaum dan etnik di Malaysia. Maka, terhasillah kalendar budaya yang menarik dan yang paling penting adalah mesra pengguna kerana mudah difahami oleh semua orang.

*"Saya beranggapan inovasi kalendar budaya ini sangat menarik dan efektif menambah cara pembelajaran yang lebih efektif dan lebih menarik dimana kelebihan salah satunya penyampaian maklumat lebih jelas dan simple"* (Responden 1)

*"Kalendar budaya ni sangat menarik sebab dia ada bagi pelbagai contoh dari segi makanan, adat, acara, pakaian macamtu. Ianya boleh dijadikan rujukan ataupun pendedahan awal kepada student dan dalam kalendar tu pun menarik sebab ada letakkan tarikh-tarikh penting mengikut budaya tu"* (Responden 4)

*"Kelebihan kalendar budaya yang telah dihasilkan ini ianya menarik minat saya sebagai guru untuk menjadikan ianya sebagai ABM kepada sesi PdP saya. Kandungan pula ianya sangat menepati konsep yang saudari telah umumkan dekat objektif pertama. Less text yang cuba diajukan oleh cik ni memang betul-betul less dan ianya salah satu yang mudah difahami, ringkas bak orang kata short but sweet"* (Responden 6)

Maklumat yang disampaikan oleh responden jelas membuktikan bahawa terdapat sambutan yang baik dalam kalangan responden. Hal ini kerana rata-ratanya mereka menyatakan bahawa kalendar budaya sangat menarik dan lain daripada yang lain. Usaha pengkaji dalam memulihara budaya dan memperkenalkan pendidikan pelbagai budaya adalah mustahil untuk dilaksanakan. Dengan ini, penghasilan kalendar budaya merupakan satu kejayaan dalam mempromosikan amalan pedagogi responsif budaya dalam kalangan guru. Dapat dilihat bahawa para responden sangat teruja dan mereka sebenarnya bersedia untuk melaksanakan pedagogi responsif budaya tetapi memerlukan bahan bantuan mengajar yang menekankan perkara tersebut.

## Perbincangan

Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan ini, dapat disimpulkan bahawa pengkaji berjaya mencapai ketiga-tiga objektif kajian dimana objektif kajian yang pertama iaitu mengenai kesedaran guru tentang kepentingan penggunaan kalendar budaya dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek Pendidikan Moral. Daripada keenam-enam responden kajian ini, dapat dilihat bahawa responden mempunyai kesedaran yang tinggi mengenai kepentingan menerapkan budaya lokal murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek Pendidikan Moral. Hal ini kerana semua responden dapat menjelaskan kepentingan budaya lokal, reaksi murid, masalah dan kesukaran semasa mengajar tentang tajuk kepelbagaian serta kebaikan kalendar budaya yang akan dihasilkan ini. Responden dapat memberikan pandangan yang jelas berkenaan dengan semua aspek berkenaan kepentingan penggunaan kalendar budaya dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek Pendidikan Moral. Dapatan ini bertepatan dengan pandangan Muhammad Yusri Yusof @ Salleh & Mohd Anuar Ramli (2020)[14] yang mengungkap pandangan (UNESCO,2009; 17; Sillitoe, 1998; 42) bahawa masyarakat setempat adalah pelaku kepada kearifan tempatanyang yang ada pada mereka, oleh itu, memisahkan ilmu kearifan tempatan yang ada daripada konteks sosial akan menyebabkan pentafsiran yang salah terhadap amalan budaya tersebut.

Objektif kedua bagi kajian ini pula adalah untuk mengenalpasti budaya-budaya lokal yang terdapat dalam masyarakat Malaysia bagi mereka bentuk kalendar budaya dengan menerapkan budaya lokal. Objektif ini juga turut tercapai kerana pengkaji dapat mengumpul beberapa komponen budaya yang perlu dimasukkan dalam kalendar budaya ini menerusi temu bual yang dijalankan bersama dengan responden yang terpilih. Pengkaji mendapati bahawa majoriti responden menginginkan kalendar budaya ini berfokus kepada komponen yang jarang atau kurang diketahui oleh orang ramai. Contohnya, adat resam dan kesenian. Namun, mereka juga

menekankan komponen yang sedia ada seperti makanan, pakaian, dan perayaan sebab tidak semua yang sudah mempunyai kefahaman berkaitan elemen tersebut. Hal ini bertepatan dengan dapatan kajian Charles Muling Libau & Ying Leh Ling (2020)[15] yang menyatakan bahawa pembelajaran murid akan lebih berkesan apabila elemen persekitaran maklum balas dan penggunaan bahan bantu mengajar yang berkualiti dan mencukupi disatukan ke dalam proses pengajaran.

Beralih pula kepada objektif kajian yang ketiga iaitu menilaikan kebolehgunaan kalendar budaya dalam pengajaran subjek Pendidikan Moral. Kesemua responden menyatakan maklum balas mereka terhadap inovasi BBM kalendar budaya bahawa ianya sangat menarik, relevan, dan sesuai dengan konsep yang cuba diutarakan oleh pengkaji iaitu More Picture, Less Text. Hal ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Rabaah Abdullah et al. (2021)[16], yang menyatakan bahawa didapati slaid powerpoint yang mengandungi imej yang menarik seperti peta dan imej yang candi, isi yang ringkas dan penggunaan warna yang minimum lebih menarik perhatian murid.

**Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, satu inovasi bahan bantu mengajar yang dikenali sebagai kalendar budaya telah berjaya dibangunkan dengan menerapkan budaya lokal daripada pelbagai kaum majoriti dan minoriti di Malaysia. Pengkaji juga berjaya merealisasikan ketiga-tiga objektif kajian, menyelesaikan permasalahan kajian dan menjawab persoalan kajian. Kalendar budaya ini yang turut dilengkapi dengan elemen-elemen seperti grafik yang realistik, teks, dan juga diselitkan dengan elemen teknologi terkini iaitu QR Code tentang maklumat tambahan kepada sesuatu budaya ini diharap dapat mengukuhkan lagi pemahaman murid. Reka Bentuk kalendar yang unik ini juga diharap mampu menarik minat mereka untuk mempelajari mengenai tajuk yang berkaitan dengan “Kepelbagaian Budaya Di Malaysia”. Dengan terhasilnya kalendar budaya ini, bilangan bahan bantu mengajar yang menggunkana pelbagai bahasa dalam pemyampaian isi pelajaran telah bertambah. Akhirnya, implikasi-implikasi kajian ini telah dinyatakan dan cadangan- cadangan telah diutarakan untuk kajian seterusnya oleh pengkaji akan datang. Kajian ini berjaya menghasilkan sebuah inovasi bahan bantu mengajar kalendar budaya yang menerapkan budaya lokal. Kejayaan membina inovasi ini adalah merupakan satu sumbangan baharu dalam praktik ruang lingkup pendidikan di Malaysia.

## KALENDAR BUDAYA




































## References:


1. Tan, B. P., Naidu, N.B. M., & Jamil, Z. (2018). Moral values and good citizens in multi-ethnic society: A content analysis of moral education textbooks in Malaysia. The journal of Social Studies Research, 42(2), 119-134.
2. Muhammad Zakwan Abdul Rahim, Nurfaradilla Mohamad Nasri & Mohamad Asyraf Abdul Talib (2020). Pedagogi responsif budaya: Kesedaran, pengetahuan dan kesediaan guru. Jurnal Pendidikan Malaysia, 45(1), 25-34. MyGovernment. (2023). Maklumat Malaysia. Diperolehi daripada https://www.malaysia.gov.my/ portal/content/142?Langua-ge=my
3. Banks, J. A. (2002). Handbook of research on multicultural education (Vol. 2). C. A. M.
4. Kadir, A., Nor, M. M., & Hutagalung, F. D. (2019). Pemupukan Amalan Pendidikan Anti-Bias (Apab) Dalam Pendidikan Prasekolah Di Luar Bandar. JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, 7(4), 11-18.
5. Rahman, M. N. A., Malek, A. A., & Mansor, M. A. (2021). Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat Untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak- Kanak: Restrospektif Guru. Sa'adiah, M. A., & Omar, R. Penguasaan Bahasa Baba-Nyonya dalam Kalangan Masyarakat Baba-Nyonya di Melaka.
6. Noriati A. Rashid, Boon. P, Y., Syarifah F, S, A., (2011). *Murid dan Pembelajaran Pendidikan Guru.* Oxford Fajar.
7. Suhaila, A. R. (2003). Sistem penukar kalendar berasaskan web/Suhaila Abd Rani (Doctoral dissertation, University of Malaya).
8. Juniar & Betha Almanfaluthi (2021), Desain Kalendar Dengan Inspirasi Kalendar Tradisional di Indonesia. Bhagirupa, 1(1), 17-21.
9. Sosin, A., & De Lawter, K. (1999). A Collaborative Action Research Investigation in Teacher Education: The Global Perspectives Calendar as a Methodology for Multicultural Teaching.
10. Beram, S., Awang, M., & Ismail, R. (2020). Pembangunan model kompetensi pemimpin pertengahan: Satu kajian reka bentuk dan pembangunan. Journal of Educational Research & Indegenous Studies Journal, 2(1), 1-11. Gandi, R. T., Rus, M. R. C., &

11. Amiruddin, A. Z., Halim, Z. A., & Zainuddin, N. (2021). Design and Development of Online Arabic Language Learning: A Proposed Research Framework. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik (e-JBL).*
12. Othman Lebar (2021). *Pengenalan Kepada Teori dan Metode Edisi Ke-2.* UPSI Press.
13. Zakaria, N., Salleh, H., Abd Razak, M., Abd Rahman, M., Harun, A., & Tengah, H. H. (2017). Penerapan Nilai Patriotisme dalam Pengajaran Sejarah Sekolah Rendah: Cabaran Pelaksanaannya dalam Kalangan Guru Pelatih.
14. Muhammad Yusri Yusof @ Salleh, and Mohd Anuar Ramli, (2020) Pentakrifan kearifan tempatan: suatu sorotan. Jurnal Melayu, 19 (2). pp. 175-188. ISSN 1675-7513
15. Libau, C. M., & Ling, Y. L. (2020, October). Peranan bahan bantu mengajar dan persekitaran maklum balas dalam meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar. In Kertas kerja. National Research Innovation Conference (NRICon 2020) (pp. 20-21).
16. Abdullah, R., Ali, W. N. W. M., & Jusoh, A. (2021). The Use of Teaching Aids (BBM) in the Subject Theme of "Colonization in Southeast Asia in the 19th Century": Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam Subjek Tema "Penjajahan di Asia Tenggara pada Abad ke-19". Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan, 13(1), 1-13.